

CNS5290

U GB 23-05 00171 BC197

AAB

Mahathir-Apec

M'SIA LEBIH SUKA APEC KEKAL SEBAGAI PERKUMPULAN TIDAK RASMI

I

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Malaysia lebih menyukai Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) terus kekal sebagai perkumpulan tidak rasmi tetapi tidak mempunyai pilihan melainkan ikut bersama jika negara-negara anggota yang lain mahukan perkumpulan itu menjadi sebaliknya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata jika negara-negara anggota Apec yang lain mahu perkumpulan itu mempunyai sekretariat tetap dan pemimpin-pemimpinnya mengadakan pertemuan setiap tahun, maka Malaysia "terpaksa membenarkan dirinya diheret bersama".

Dr Mahathir menjawab pertanyaan semasa sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan dasar pada Mesyuarat Agung Antarabangsa ke-27 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di sini.

Dr Mahathir bagaimanapun, berkata mesyuarat-mesyuarat Apec tidak harus diinstitusikan.

"Saya berpendapat pada peringkat masa sekarang Apec perlu menjadi sebagai organisasi longgar supaya kita dapat lebih saling mengenali antara satu sama lain, dan malahan jika pemimpin-pemimpin (negara-negara Apec) mahu mengadakan pertemuan sekali sekala, maka saya berpendapat ia okey," katanya.

-- Lagi.

▼23/05/13-20MST

CNS5297

U GB 23-05 00125 BC198

AAB

Mahathir-Apec 2 Kuala Lumpur

"Buat masa ini, para pemimpin itu tidak harus mengadakan pertemuan secara kerap (tetapi sebaliknya perlu) mengemukakan masalah itu kepada birokrat dan menteri-menteri untuk ditangani," katanya.

Dr Mahathir berkata semasa idea Apec dicadangkan, Malaysia amat bimbang yang negara-negara anggota yang kuat akan mengenakan tekanan terhadap anggota-anggota yang "lemah".

Apec, merupakan perkumpulan serantau yang terbesar di dunia, yang menghubungkan 18 negara-negara Lingkaran Pasifik termasuk Amerika Utara, Australia dan New Zealand.

Dr Mahathir mengulangi bahawa Apec perlu menumpukan kepada membangunkan strategi-strategi bagi membantu negara-negara kurang membangun mengatasi masalah mereka.

Semasa bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata beliau akan menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi Apec di Jakarta, November ini.

-- Lagi.

▼23/05/13-40MST

CNS5304

U GB 23-05 00117 BC199

AAB

Mahathir-Apec 3 Kuala Lumpur

Mengenai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), Perdana Menteri berkata terdapat "beberapa keengganan" di kalangan negara-negara tertentu untuk menyertai perundingan tu.

"Kita akan terus menyakinkan mereka," katanya. Dr Mahathir bagaimanapun enggan menyatakan negara-negara itu.

Ketika ditanya bila EAEC akan dapat dimulakan, Dr Mahathir berkata beliau tidak pasti tarikhnya tetapi berharap ia tidak akan lama lagi.

Kepada soalan mengenai China, Perdana Menteri berkata beliau berharap Amerika Syarikat akan memperbaharui status "Negara Pilihan Utama" kepada China.

Dr Mahathir berkata semasa lawatannya ke China baru-baru ini, beliau diberitahu bahawa China yakin Amerika Syarikat akan memperbaharui status itu, yang dijangka diumumkan bulan depan. -- Lagi.

♥23/05/13-54MST

CNS5310

U GB 23-05 00114 BC200

AAB

Mahathir-Apec 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Semasa menjawab soalan mengenai penyertaan Vietnam dan Kemboja sebagai anggota ASEAN, Dr Mahathir berkata: "Kita mahukan mereka (sebagai anggota ASEAN) secepat yang mungkin."

"Lebih lama kita sisihkan mereka, semakin kurangnya perubahan (pembangunan) mereka," katanya.

Ketika menjawab pertanyaan mengenai apa yang dipanggil sebagai perlumbaan senjata di kalangan negara-negara ASEAN, Perdana Menteri berkata beliau berpendapat tidak ada perlumbaan senjata di rantau ini.

"Tetapi, sebagai negara-negara yang berkembang maju, mereka perlu membelanjakan sejumlah wang daripada hasil mereka terhadap senjata," katanya dan menambah kata bahawa ini tidak harus disifatkan sebagai perlumbaan senjata atau ditafsir secara negatif. -- Bernama.

ES A7.